



Ruj. Kami : SKM.PK:6/3/3/JLD.8/()
Tarikh : 12 Mei 2023

KEPADA YANG BERKENAAN

Tan Sri/Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PENGIKTIRAFAN CUTI TANPA REKOD BAGI MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD KALI KE 36

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali 36 pada tarikh dan tempat seperti berikut :-

Tarikh : 17/06/2023 (Sabtu)
Masa : 9:00 pagi sehingga tamat
Tempat : Dewan Besar, FELCRA Berhad Bandar Seberang Perak, 36800 Kampung Gajah, Perak


3. Sehubungan dengan itu, anggota yang menghadiri mesyuarat tersebut layak memperoleh cuti tanpa rekod pada 17 Jun 2023. Justeru itu, mohon kerjasama yang berkenaan/Ketua-ketua Jabatan terlibat bolehlah menimbangkan mengikut budibicara masing-masing untuk meluluskan **Cuti Tanpa Rekod** kepada pegawai atau kakitangan yang memohon untuk mengikuti mesyuarat tersebut seperti yang dibekalkan di bawah peruntukan 43(b) Perintah Am Bab C.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(JULIZA BINTI JAAFAR)

Timbalan Pengarah,
b/p Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Negeri Perak.